

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jangkaan kos tahunan yang akan dikenakan jika skim pencen RM200 sebulan diamalkan untuk setiap warga Malaysia yang berumur 70 tahun ke atas selain daripada mereka yang sedang menerima pencen persaraan atau pencen PERKESO.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini terdapat seramai 1.01 juta orang warga emas yang berumur 70 tahun dan ke atas di Malaysia. Daripada jumlah ini, seramai 117,525 orang merupakan penerima pencen persaraan atau pencen PERKESO.

Sehubungan itu, warga emas berumur 70 tahun dan ke atas yang tidak menerima pencen persaraan atau PERKESO berjumlah 889,175 orang. Sekiranya warga emas ini diberikan RM200 sebulan, maka kerajaan perlu menampung peruntukan kewangan sebanyak RM2.1 bilion (RM200 x 12 bulan x 889,175 orang) untuk tempoh setahun.